



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN TRENDS IN
SOCIAL SCIENCES
(IJMTSS)
www.ijmtss.com



**PERANAN SEKOLAH DALAM MEMUPUK BUDAYA
MEMBACA DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH
RENDAH DI KAWASAN SUB-BANDAR**

*ROLE OF THE SCHOOL IN CULTIVATION OF THE READING CULTURE
AMONG PRIMARY SCHOOL STUDENTS IN SUBURB AREA*

Adam Zulkarnain Saleng^{1*}, Noor Insyiraah Abu Bakar², Amir Hasan Dawi³, Azhar Harun⁴

¹ Perpustakaan Negara Malaysia

Email: adam@pnm.gov.my

² Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: insyirah@fpm.upsi.edu.my

³ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: amir.hasan@fpm.upsi.edu.my

⁴ Penyelidik Bebas

Email: harunazhar87@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.11.2022

Revised date: 10.11.2022

Accepted date: 25.11.2022

Published date: 15.12.2022

To cite this document:

Saleng, A. Z., Abu Bakar, N. I., Dawi, A. H., & Harun, A. (2022). Peranan Sekolah Dalam Memupuk Budaya Membaca Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Di Kawasan Sub-Bandar. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 5 (22), 01-11.

DOI: 10.35631/IJMTSS.522001

Abstrak:

Kajian ini bertujuan mengenal pasti peranan sekolah dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Secara khusus objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti peranan sekolah dalam memupuk budaya membaca pelajar sekolah rendah dan mengenal pasti faktor yang menghalang pemupukan budaya membaca pelajar sekolah rendah. Pendekatan kualitatif telah dipilih dengan menggunakan kajian kes sebagai metodologi kajian. Kaedah pemerhatian telah digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian ini menunjukkan peranan sekolah dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar masih boleh diperbaiki untuk menjadikan budaya membaca sebagai salah satu budaya sekolah. Ini kerana kurangnya perhatian terhadap aspek minat membaca akan menyebabkan institusi sekolah tidak dapat membentuk pelajar sekolah menjadi pelajar yang berbudaya membaca. Pihak sekolah perlu melihat dari pelbagai sudut dalam membentuk budaya membaca di sekolah. Implikasi adalah tabiat membaca pelajar memerlukan perubahan melalui pelbagai pendekatan termasuk program galakan membaca sepanjang tahun, penyediaan koleksi bahan bacaan, usaha guru dan kemudahan capaian maklumat yang lebih baik.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Kata Kunci:

Budaya Membaca, Pelajar, Sekolah Rendah, Peranan Sekolah

Abstract:


This study aims to identify the role of the school in cultivation of the reading culture among students in primary school. The objective of this study is to identify the role of schools in cultivate the reading culture of primary school students and to identify factors that hinder the development of the reading culture among primary school students. A qualitative approach was chosen by using a case study as a research methodology. The observation method was used in this study. The findings of this study show that the role of schools in cultivating a reading culture among students can still be improved to make reading culture one of the school cultures. The lack of attention to the aspect of interest in reading will cause school institutions unable to develop reading culture among students. The school needs to look in various angles to forming a reading culture in the school. Students' reading habits require change through various approaches including continuous reading programs, provide reading material collections, teacher efforts and better information access facilities.

Keywords:

Reading Culture, Student, Primary School

Pendahuluan

Budaya sekolah memainkan peranan penting dalam membentuk budaya membaca. Abu Bakar Nordin Ehsan (2003) menyatakan pelajar sekolah adalah satu masyarakat kecil yang mempunyai budayanya tersendiri. Oleh yang demikian, budaya membaca harus menjadi sebahagian dari budaya sekolah. Ini kerana wujudnya budaya membaca dalam budaya sekolah berupaya melahirkan satu generasi berilmu yang berpengetahuan dan berinovasi. Mohd Saleh Lebar (1998) mendefinisikan sekolah sebagai institusi pendidikan yang berbentuk formal yang boleh membentuk pemikiran, tingkah laku dan sikap pelajar bagi melahirkan generasi seimbang dari segi mental dan rohani. Sekolah dianggap sebagai pusat menimba ilmu khusus kepada kanak-kanak bermula dari peringkat pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan seterusnya ke peringkat lebih tinggi. McEwan (2002) mentakrifkan budaya membaca dalam konsep sekolah sebagai satu sikap kolektif dan tingkah laku bagi semua aktiviti yang membolehkan seseorang pelajar membaca dengan baik sama ada untuk tujuan akademik atau peribadi. Sutarno (2006) menjelaskan konsep budaya membaca sebagai satu kitaran bermula dari minat membaca menjadi kebiasaan membaca dan seterusnya menjadi satu budaya yang lahir dari kebiasaan seseorang.



Rajah 1: Konsep Budaya Membaca (Sutarno, 2006)

Membaca merupakan satu proses kompleks yang melibatkan proses kognitif, fizikal, intelek, budaya, dan linguistik. Khairusy Syakirin dan Has-Yun Hashim (2013) menjelaskan kemungkinan pelajar sekolah didapati kurang membaca disebabkan beberapa perkara seperti berikut:

- i. Masa yang dihabiskan untuk belajar dan bermain menyebabkan penat dan letih;
- ii. Sekolah tidak menekankan kepentingan membaca;
- iii. Ibu bapa atau keluarga yang tidak menitikberatkan budaya membaca; dan
- iv. Pengaruh media massa yang semakin menjauhkan antara buku dengan pembaca.

Semua kemungkinan ini betul jika dibandingkan dengan aktiviti membaca pelajar pada masa lapang. Daniels dan Steres (2011) mengatakan tidak semua pelajar akan membaca dan belajar hanya kerana mereka diarah berbuat demikian. Tiew, Wai Sin (2010) mengatakan 39.85% pelajar sekolah menghabiskan satu hingga dua jam sehari untuk membaca walaupun 97.10% pelajar berpendapat membaca merupakan aktiviti penting dan berfaedah.

Objektif Kajian

Dalam penulisan jurnal ini, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti peranan sekolah dalam memupuk budaya membaca pelajar sekolah rendah dan mengenal pasti faktor yang menghalang pemupukan budaya membaca pelajar sekolah rendah.

Soalan Kajian

- i. Apakah peranan sekolah dalam memupuk budaya membaca pelajar sekolah rendah?
- ii. Apakah faktor yang menghalang pemupukan budaya membaca pelajar sekolah rendah?

Limitasi Kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah rendah (nama dirahsiakan kerana dikhuatiri akan menjadi konflik jika dapatan kajian bersifat negatif) di kawasan sub-bandar. Pelaksanaan kajian dengan hanya satu sekolah dipilih sebagai sampel kajian mungkin tidak menggambarkan keseluruhan sekolah di kawasan sub-bandar di Malaysia. Kajian ini juga hanya penumpukan aspek peranan sekolah dalam memupuk budaya membaca secara umum dan hanya memberi fokus kepada dapatan data melalui kaedah pemerhatian sahaja.

Tinjauan Literatur

Sekolah merupakan tempat berlakunya proses membaca secara formal berbanding di tempat lain. Bakka, (2000); Magara dan Batambuza, (2005) mengatakan seseorang akan berhenti membaca ketika mereka meninggalkan alam persekolahan. Dalam pengisian budaya formal

sekolah, guru juga perlu memiankan peranan penting dalam memahami matlamat sekolah untuk jangka masa pendek mahupun panjang (Mohd Salleh Lebar, 1998). Falsafah Pendidikan Kebangsaan menggariskan bahawa iklim sekolah yang kondusif akan melahirkan pelajar yang cintakan ilmu dan akan membentuk budaya membaca dalam kalangan pelajar. Sekolah sentiasa dilihat sebagai agen proses pembudayaan dan sebagai sebuah sistem pendidikan, sekolah mempunyai budayanya tersendiri.

Syarifah Md. Nor (2001) menyatakan budaya sekolah mempunyai pengaruh yang kuat terhadap warganya dari segi kemajuan akademik, sosial dan personal pelajarinya. Begitu juga dengan budaya membaca dipengaruhi oleh budaya sekolah itu sendiri yang didukung beberapa faktor sebagai pendorong kepada pemupukkan budaya membaca iaitu faktor guru melalui tanggungjawab pendidikan, faktor keluarga yang dapat mempengaruhi personaliti kanak-kanak, faktor rakan sebaya yang amat dominan dalam memupuk budaya membaca terutama anak-anak remaja, sistem pendidikan yang menjamin kelangsungan budaya membaca di sekolah dan individu itu sendiri perlu sedar kepentingan membaca pada diri sendiri, keluarga, masyarakat malah negara secara amnya (Mohd Yusof Othman, 1994).

Sekolah yang baik adalah sekolah yang menyediakan kelengkapan fizikal bagi memudahkan aktiviti pembelajaran dalam suasana selesa (Dougherty & Hammack, 1990). Bagi membentuk kanak-kanak yang gemar membaca, Layne (2009) menyatakan kurikulum berkaitan membaca perlu ada dan diberi tumpuan bukan sahaja dalam pembelajaran bagaimana untuk membaca tetapi juga memberi tumpuan kepada 'akan' membaca iaitu dorongan secara berterusan dalam memupuk budaya membaca.

Sesebuah sekolah perlu mempunyai plan pembangunan budaya membaca seperti yang dinyatakan oleh National Literacy Trust bahawa plan tersebut merangkumi plan jangka masa pendek dan panjang. Melalui plan ini sesebuah sekolah dapat memberi fokus tentang hala tuju yang jelas berkaitan budaya membaca. Antara perkara yang ditekankan adalah sekolah perlu menjadikan membaca sebagai dasar sekolah, mewujudkan kumpulan pemandu untuk menggerakkan budaya membaca, menetapkan budaya membaca sebagai sasaran atau petunjuk prestasi sekolah dan mewujudkan suasana persekitaran yang selesa untuk membaca. Begitu juga dengan hubungan pengetua yang memainkan peranan penting dalam membentuk budaya membaca seperti yang dinyatakan oleh Alfred et. al (2016); Nik Badrul Hisham Nik Ismail & Mastura Mahfar (2015) bahawa pengetua yang menekankan aspek kemanusiaan seperti menjaga perhubungan dengan guru dan murid lebih mendapat sokongan dan mampu menggerakkan warga sekolah melakukan sesuatu perkara dengan lebih berkesan dan berkualiti.

Garis Panduan Memantapkan Budaya Membaca di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah 2005 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menggariskan beberapa peranan pengurusan sekolah yang perlu ditekankan secara serius dan menyeluruh antaranya adalah:

- i. Mengambil bahagian secara aktif dalam program memabca (NILAM) dengan melibatkan semua pelajar dan guru mata pelajaran;
- ii. Memberi pengiktirafan kepada pelajar yang banyak membaca buku;
- iii. Mempromosikan program membaca (NILAM) dengan lebih agresif di sekolah supaya mesej dapat disebarkan dengan lebih cepat dan meluas;
- iv. Memantapkan sistem pengurusan rekod bacaan dan data pencapaian NILAM; dan
- v. Mewujudkan persekitaran yang kondusif di sekolah untuk menggalakkan pelajar membaca dengan mewujudkan pondok-pondok dan sudut-sudut bacaan di mana-mana yang sesuai.

Peranan pusat sumber sekolah juga amat penting dalam membentuk budaya membaca di sekolah. Wan Zah Wan Ali et. Al (2005) menyatakan pusat sumber sekolah berperanan dalam menyediakan bahan bacaan di sekolah kerana Lulu-Pokubo dan Akanwa (2017) menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara ketersediaan sumber maklumat dan budaya membaca pelajar. Pusat sumber sekolah juga berperanan dalam mempromosikan budaya membaca dalam kalangan pelajar sekolah (Alex-Nmecha & Horsfall, 2019) kerana menurut Tralagbo dan Baro (2017) pelajar yang sering melawat dan menggunakan pusat sumber sekolah berupaya membina budaya membaca dalam diri mereka.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah kualitatif ini digunakan untuk menjelaskan dapatan kajian secara mendalam. Kajian kualitatif dapat memberi peluang yang lebih besar untuk memahami dan meneroka kompleksiti tentang pelbagai pengalaman manusia (Bogdan dan Biklen, 2007). Penyelidikan kualitatif secara khususnya kajian kes telah digunakan dalam kajian ini untuk mengenal pasti peranan sekolah dalam membentuk budaya membaca dalam kalangan pelajar. Rasional pemilihan kajian kes adalah membolehkan pengkaji meneroka isu kajian dalam konteks sebenar (Creswell, 2014; Othman, 2017; Cresswell & Poth, 2018).

Lokasi kajian melibatkan satu sekolah yang difikirkan sesuai untuk melihat usaha yang dilaksanakan dalam membentuk budaya membaca di sekolah. Sekolah yang dipilih adalah sekolah yang terletak di sub-bandar dan mempunyai pelajar pelbagai kaum dan sosio ekonomi yang pelbagai. Pemilihan lokasi ini bertujuan untuk melihat pengaruh budaya sekolah dalam membentuk pelajar yang mempunyai latar belakang yang pelbagai.

Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian tidak berstruktur telah digunakan. Menurut Chua, Yan Piaw (2006) kaedah pemerhatian adalah sesuatu pengamatan yang terancang ke atas sesuatu keadaan bagi membolehkan pengkaji membuat deskripsi yang jelas terhadap sesuatu keadaan. Pemerhatian dibuat bagi mengkaji fenomena yang berlaku dipersekitaran lokasi kajian secara langsung terhadap sesuatu perkara yang ingin dikaji secara semula jadi (Merriam, 2001; 2002). Pemerhatian dilakukan di kawasan-kawasan tertentu dalam sekolah seperti di bilik darjah, pusat sumber sekolah, sudut ilmu dan kawasan yang sesuai untuk dijadikan tempat berehat pelajar.

Dapatan Kajian

Pemerhatian Terhadap Persekitaran Sekolah

Pemerhatian dilaksanakan terhadap persekitaran sekolah untuk mengenal pasti sama ada kawasan sekolah seperti kawasan koridor, kawasan kantin, tempat-tempat rehat pelajar dan kawasan strategik diletak maklumat berkaitan galakan membaca. Maklumat-maklumat seperti poster, slogan galakan membaca dan kata-kata perangsang yang menyeru pelajar mengutamakan membaca. Hasil pemerhatian mendapati setiap sudut pemerhatian hanya sedikit sahaja poster galakan membaca yang dipamerkan dan telah lusuh serta tidak dijaga dengan baik. Walaupun terdapat banyak poster-poster yang dipaparkan tetapi poster berkaitan budaya membaca adalah kurang. Secara asasnya, aspek teknikal sedemikian kurang pemerhatian dari pihak sekolah kerana perkara tersebut adalah salah satu perkara penting dalam memberi kesedaran kepada pelajar betapa pentingnya untuk membaca.

Pemerhatian Terhadap Pusat Sumber Sekolah

Hasil pemerhatian mendapati pusat sumber sekolah terletak di aras tiga bangunan sekolah. Aspek lokasi strategik juga memainkan peranan untuk menggalakkan pelajar untuk ke pusat sumber sekolah. Walaupun lokasi perpustakaan terletak di aras tinggi bagi mengelakkan bencana seperti banjir jika berlaku, namun kawasan sekolah tersebut tidak berada dalam kawasan banjir. Lokasi pusat sumber sekolah juga menjadi faktor penyumbang kepada pelajar sekolah tidak memilih pusat sumber sekolah sebagai lokasi pilihan semasa masa lapang ketika rehat, ketiadaan guru atau selepas tamat masa persekolahan. Pusat sumber sekolah mempunyai bahan bacaan yang mencukupi untuk pelajar namun tidak mempunyai koleksi yang kukuh dari segi kandungannya iaitu bahan ilmiah. Pusat sumber sekolah juga mempunyai kemudahan lain seperti bilik media, kemudahan internet dan lain-lain. Pemerhatian juga mendapati kebanyakan pelajar yang datang ke pusat sumber sekolah hanya ketika musim peperiksaan. Berdasarkan kepada pertanyaan ringkas kepada beberapa orang pelajar mendapati mereka malas ke pusat sumber sekolah untuk membaca buku kerana peperiksaan telah tamat dan tidak perlu membaca buku.

Pemerhatian Terhadap Sudut NILAM

Pihak sekolah ada menyediakan satu sudut bacaan yang terletak di hadapan sekolah dinamakan sebagai Sudut NILAM. Penyediaan Sudut NILAM adalah satu usaha yang baik kerana membantu memupukkan budaya membaca. Walau bagaimanapun, sudut tersebut tidak diselenggara dengan baik. Buku yang terdapat di sudut tersebut tidak berkeadaan baik dan lusuh. Pelajar yang menggunakan sudut tersebut juga tidak memanfaatkannya untuk membaca tetapi hanya berbual-bual sesama mereka. Pemerhatian ini dijalankan bukan untuk melihat kekurangan yang ada tetapi lebih kepada bagaimana pihak sekolah berperanan dalam memupuk budaya membaca.

Pemerhatian Terhadap Program NILAM

Program NILAM telah dilaksanakan bermula dari tahun 1999 lagi bertujuan untuk memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar sekolah bermula dari darjah satu. Hasil pemerhatian, program NILAM ada dilaksanakan di sekolah yang dikendalikan oleh guru NILAM. Walau bagaimanapun, hasil pemerhatian mendapati terdapat wujudnya pola minat membaca berdasarkan bilik darjah. Keadaan ini dipengaruhi oleh Program NILAM yang dilaksanakan dan juga latihan yang diberikan oleh guru. Kelas yang menunjukkan statistik NILAM yang tinggi mempunyai aktiviti membaca berbanding bilik darjah yang mempunyai statistik NILAM yang rendah. Buku rekod Program NILAM juga tidak seragam antara pelajar. Didapati terdapat pelajar yang mengisi buku rekod NILAM dan sesetengah langsung tidak mengisi hasil bacaan mereka. Program NILAM perlu diintegrasikan dengan budaya dan amalan harian di sekolah dan bukan dianggap sebagai satu aktiviti tambahan yang membebaskan pihak guru. Seperti yang dijelaskan oleh Wan Zah Wan Ali et. Al, (2005) bahawa pihak sekolah dan guru perlu diberi pemahaman yang jelas mengenai Program NILAM supaya program ini tidak disalah tafsir sebagai satu bebanan guru dan diketepikan untuk dilaksanakan.

Pemerhatian Terhadap Program Galakan Membaca

Guru Pusat Sumber dan guru NILAM mempunyai kekangan masa untuk menumpukan perhatian kepada program galakan membaca. Sekolah kurang menjalankan program galakan membaca kepada pelajar sekolah walaupun terdapat perancangan sepanjang tahun akibat daripada kekangan-kekangan pembelajaran dan pengajaran oleh guru-guru. Sepanjang pemerhatian tiada program galakan membaca dilaksanakan dan merujuk kepada laporan hanya terdapat lima program yang dilaksanakan sepanjang tahun.

Pemerhatian Terhadap Guru Sekolah

Pemerhatian ini dilaksanakan semasa proses pembelajaran dilaksanakan. Tiga guru dipilih untuk dibuat pemerhatian dalam kelas. Beberapa buah buku diletakkan di atas meja guru untuk melihat sama ada guru akan memberi tindak balas terhadap buku tersebut. Hasil pemerhatian mendapati kesemua guru memberi penerangan mengenai buku tersebut kepada pelajar dan menggalakkan pelajar-pelajar untuk membaca dan ke pusat sumber sekolah bahan bacaan. Guru juga menerangkan kepentingan membaca kepada pelajar. Tempoh yang diambil selama 5 hingga ke 10 minit sebelum pengajaran bermula. Jika terdapat galakan atau dorongan yang baik dan berterusan dari guru minat untuk membaca akan wujud dalam kalangan pelajar sekolah. Kejayaan pelajar di sekolah banyak bergantung kepada kebolehan mereka membaca, memahami dan juga bergantung kepada sokongan yang diberikan dalam menggalakkan tabiat membaca (Oji & Habibu, 2011). Guru pusat sumber juga mempunyai kekangan dalam menguruskan pusat sumber kerana pada masa yang sama perlu mengajar. Ini kerana Tiew, Wai Sin (2010) mengatakan bahawa anggaran sebanyak 39.85% pelajar menghabiskan hanya satu hingga dua jam sehari untuk membaca. Dengan dorongan yang berterusan, pelajar sekolah akan dapat meningkatkan lagi masa yang berfaedah dengan membaca lebih dari dua jam sehari.

Perbincangan

Objektif kajian ialah untuk mengenal pasti peranan sekolah dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Daripada dapatan data kajian menunjukkan terdapat usaha yang telah dilakukan oleh pihak sekolah untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar sekolah. Namun perlu ditambah baik agar usaha ini akan dapat membentuk budaya membaca di dalam budaya sekolah khususnya dan dalam diri pelajar sekolah. Antara usaha dan peranan pihak sekolah yang perlu ditambah baik adalah:

- i. Memperbanyakkan poster-poster yang menggalakkan budaya membaca. Poster ini akan dapat memberi kesedaran dan pembakar semangat kepada pelajar untuk mengutamakan membaca. Otike (2011) juga mengatakan promosi budaya membaca dapat menjadikan membaca sebagai hobi sepanjang hayat.
- ii. Pusat sumber sekolah perlu menyediakan bahan bacaan yang pelbagai dan menarik minat untuk membaca. Perlatan ICT juga perlu dipertingkatkan agar bahan bacaan digital juga boleh diakses oleh pelajar.
- iii. Penyediaan sudut NILAM yang lebih menarik dan diselenggara secara berkala. Seperti yang dilaksanakan oleh sebuah sekolah dengan memanfaatkan sudut yang disediakan untuk ibu bapa dan komuniti setempat. Inisiatif ini menggalakkan ibu bapa bersama-sama membaca bukuy sementara menunggu anak jagaan habis sesi persekolahan (Utusan Malaysia, 3.8.2020)
- iv. Program NILAM perlu diintegrasikan dengan budaya dan amalan harian di sekolah secara aktif dan bukan sebagai bebanan kepada guru. Menurut Norshah Aizat Shuib dalam Berita Harian bertarikh 5 April 2021, pihak sekolah berperanan mewujudkan ekosistem mesra pembaca kepada pelajar. Program sedia ada seperti Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) boleh diperkasakan, selain mewujudkan budaya perbincangan buku.
- v. Program galakan membaca perlu diperbanyakkan dan boleh membuat kolaborasi bersama perpustakaan yang berdekatan seperti Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Desa.

- vi. Guru perlu sentiasa memberi galakan sepenuhnya kepada pelajar betapa pentingnya membaca. Galakan secara berterusan akan dapat membuka minda pelajar untuk membaca. Guru juga adalah cerminan pelajar kerana pelajar sentiasa melihat dan mendengar apa jua yang diucapkan oleh guru.

Bagi objektif kedua iaitu apakah faktor-faktor yang menjadi penghalang dalam memupuk budaya memaca dalam kalangan pelajar sekolah. Terdapat beberapa faktor dikenal pasti mendorong kepada penolakan budaya membaca berlaku di sekolah iaitu:

- i. Faktor sikap
Kebanyakan pelajar sekolah mempunyai sikap tidak gemar atau kurang minat membaca buku. Melalui pemerhatian, mereka menghabiskan masa di sekolah ketika masa terluang dengan bermain. Kecenderungan pelajar untuk membaca hanya didorong oleh keperluan untuk lulus peperiksaan. Mereka sekali sekala hanya membaca bacaan ringan seperti buku cerita, novel dan majalah hanya di pusat sumber sekolah.
- ii. Faktor kemudahan
Walaupun terdapat kemudahan pusat sumber sekolah yang menyokong sistem pembelajaran di sekolah akan tetapi bahan bacaan ilmiah adalah kurang. Kemudahan lain seperti akses internet dan ICT seperti bahan audio visual adalah terhad untuk pembelajaran sahaja. Lokasi pusat sumber sekolah juga menjadi penyebab pelajar kurang ke pusat sumber berdasarkan pertanyaan secara rawak kepada pelajar. Sudut NILAM juga kurang diambil perhatian dengan baik menyebabkan fungsi sudut tersebut kurang dimanfaatkan oleh pelajar.
- iii. Faktor guru
Guru pusat sumber sekolah mempunyai kekangan masa untuk menumpukan perhatian kepada program galakan membaca. Mereka terpaksa membahagikan tugas melaksanakan program dengan tugas-tugas mengajar dan lain-lain tugas yang perlu diselesaikan. Tugas selain daripada akademik terdiri daripada tugas sampingan merangkumi bidang kurikulum, hal ehwal murid dan kokurikulum seperti mengelola sumber sekolah seperti bahan atau alat media dan aset mudah alih serta menjalankan tugas perkeranian (Norashid Othman & Hamzah Md. Omar, 2014). Daripada hasil pemerhatian, guru pusat sumber sekolah lebih banyak menggunakan masa untuk mengajar dan hanya meluangkan sedikit masa untuk kerja-kerja pusat sumber sekolah. Begitu juga dengan guru NILAM didapati kurang memberi perhatian kepada pelajar membaca. Kebanyakan buku NILAM yang disemak tidak lengkap atau tiada catatan berkaitan bahan yang dibaca. Guru kaunseling juga kurang mengambil inisiatif untuk memberi motivasi berkaitan pentingnya budaya membaca terhadap pelajar. Hanya bila tiba musim peperiksaan sahaja galakan dan teguran untuk membaca buku.
- iv. Faktor rakan sebaya
Melalui pengamatan pemerhatian yang dilakukan, jelas menunjukkan bahawa rakan sebaya salah satu faktor penghalang kepada budaya membaca. Rakan sebaya lebih cenderung untuk bermain sesama mereka di mana sahaja walaupun berada di pusat sumber sekolah.

Dalam konteks sekolah rendah, budaya membaca ditafsirkan sebagai seseorang yang membaca buku tidak kira untuk tujuan pembelajaran ataupun keseronokan dan bukan sebagai tabiat. Jika seseorang dilihat membaca buku, itu sudah memadai sebagai budaya membaca. Berdasarkan kepada dapatan yang diperolehi dalam kajian ini, maka beberapa cadangan-cadangan yang mungkin boleh dilaksanakan oleh institusi pendidikan iaitu sekolah rendah sebagai satu usaha dalam mengukuhkan lagi budaya membaca diperingkat sekolah rendah lagi. Sekolah merupakan tempat pelajar sekolah menghabiskan masa pada waktu siang dan mendapat pendidikan formal. Pelajar sekolah juga diterapkan dengan modal budaya dalam pembentukan habitus individu, oleh itu, sekolah adalah tempat yang paling sesuai untuk membentuk budaya membaca pelajar sekolah. Beberapa langkah yang boleh diambil oleh pihak sekolah adalah seperti berikut:

- i. Memberi kesedaran mengenai pentingnya budaya membaca bermula dari sekolah rendah lagi sebelum mereka melangkah ke tahap lebih tinggi iaitu sekolah menengah.
- ii. Dapat membezakan diantara membaca untuk keperluan lulus peperiksaan dan membaca untuk keperluan pengetahuan.
- iii. Kekkerapan program galakan membaca dipertingkatkan. Pihak sekolah boleh menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Perpustakaan Negara Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka dan agensi-agensi lain untuk mengadakan program galakan membaca di sekolah. Isyaku Hassan et. al (2021) mendapati bahawa pelajar yang membaca secara meluas cenderung mencapai tahap pencapaian akademik yang tinggi. Justeru, program galakan membaca secara berterusan dapat menarik minat pelajar untuk membaca.
- iv. Memastikan guru-guru mendukung dasar kerajaan untuk membentuk masyarakat berbudaya membaca.
- v. Sentiasa peka dan berkerjasama dengan ibu bapa melalui PIBG sekolah. Penglibatan PIBG amat penting dalam memberi kesedaran kepada ibu bapa membaca merupakan amalan terbaik untuk pencapaian pelajar. Menurut Zuridah Hanim Md. Akhir (2017) kerjasama bersama ibu bapa dalam meningkatkan minat membaca tidak boleh diabaikan kerana minat membaca dapat dikekalkan sekiranya mendapat sokongan daripada ibu bapa dan mampu meningkatkan motivasi untuk keluarga tersebut untuk memberi galakan yang berterusan kepada pelajar.
- vi. Mewujudkan lebih banyak kawasan atau sudut membaca yang kondusif di persekitaran sekolah membolehkan capaian bahan bacaan lebih mudah dan cepat.
- vii. Menasihati dan memberi cadangan kepada ibu bapa untuk menyediakan sudut bacaan anak-anak mereka di rumah.

Menurut Danladi dan Yohanna (2018) peranan pusat sumber sekolah, pustakawan, pentadbir sekolah dan kerajaan boleh memainkan peranan dalam mempromosikan budaya membaca kepada pelajar sekolah. Anangisye (2020) juga menjelaskan bahawa minat pelajar membaca buku rendah disebabkan oleh kekurangan buku, ketiadaan pusat sumber sekolah, separa buta huruf dan kos buku yang tinggi adalah cabaran yang terpaksa dihadapi oleh sekolah. Justeru, peranan semua pihak berkepentingan dalam pendidikan perlu memikul tanggungjawab untuk menggalakkan dan memupuk tabiat membaca pelajar sekolah.

Kesimpulan

Setiap insan perlu mencari ilmu dengan membaca demi kelangsungan hidup di era tamadun moden. Dorongan dan usaha berterusan kepada kanak-kanak amat perlu agar ianya menjadi satu budaya masyarakat Malaysia. Antara yang perlu dititik beratkan pada masa sekarang adalah bagaimana masyarakat dapat membentuk satu budaya yang bermanfaat kepada masyarakat itu sendiri iaitu salah satunya budaya membaca. Sekolah adalah tempat untuk menimba ilmu, pihak pentadbir sekolah perlu peka kepada keperluan pelajar sekolah. Ini kerana kepincangan yang berlaku akan menyebabkan institusi sekolah tidak dapat membentuk pelajar sekolah menjadi pelajar yang baik dan bijak. Pihak sekolah perlu melihat dari pelbagai sudut dalam membentuk budaya membaca di sekolah. Penyediaan peruntukan yang mencukupi kepada pusat sumber dapat menyediakan koleksi yang banyak kepada pelajar sekolah. Pihak pengurusan juga perlu sentiasa menyokong apa jua program yang melibatkan aktiviti membaca.

Sungguhpun begitu, kajian lanjutan menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif berkaitan peranan sekolah meningkatkan minat membaca perlu dijalankan. Beberapa aspek boleh dilihat dari segi persepsi guru besar sekolah yang berperanan sebagai ketua pengurusan sekolah dan memantai aktiviti yang dijalankan di sekolah. Oleh itu, kajian secara terperinci boleh dilaksanakan pada masa hadapan dengan mengambil kira jumlah sampel kajian perlu banyak dan dikembangkan lagi.

Rujukan

- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman (2003). Falsafah pendidikan dan kurikulum. Tanjung Malim: Q uatum Books.
- Alred, A., Labat, M. B., Eadens, D. W., Labat, C. A., & Eadens, D. M. (2016). The impact of principal emotional intelligence on teacher perceptions of school climate. *International Research in Higher Education*, 1(2), 127–132. doi.org/10.5430/irhev1n2p127
- Alex-Nmecha, J. C. & Horsfall, M. N., (2019). Reading culture, benefits, and the role of libraries in the 21st century. *Open ProQuest Journal*, (Jul 2019): 1-11.
- Anangisy, W. A. (2020). Primary schools' initiatives and challenges in cultivating sustainable reading habits among pupils in Tanzania. *KEDI Journal of Educational Policy*, 17:1 (2020), pp. 23-42.
- Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. (2007). *Qualitative research for education: an introduction to theory and methods*. Baston: Pearson.
- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah Penyelidikan: kaedah dan statistik penyelidikan*, buku 1. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Creswell, J. W. (2014). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Pearson Education Limited.
- Creswell, J.W. & Poth, C.N. (2018). *Qualitative inquiry and research design choosing among five approaches*. 4th Edition, SAGE Publications, Inc., Thousand Oaks.
- Danladi D. R. & Yohanna, S. R. (2018). The Role of School Libraries in Promoting Reading Culture Among Secondary School Students: a case study of Federal Government College, Jos. *Library Philosophy and Practice* (e-journal). 2058. <http://digitalcommons.unl.edu/libphilprac/2058>
- Daniels, E., Macros, S., & Steres, M. (2011). Examining the Effects of a School-wide Reading Culture on the Engagement of Middle School Students. *Research in Middle Level Education Online*, Vol. 35 Issue 2, p1-13. 13p.

- Isyaku Hassan, Mohd Nazri Latif Azmi, Siti Normala Muhamad & Ahmad Taufik Hidayah Abdullah (2021). Arab World English Journal (AWEJ) Volume 12. Number3 September 2021 Pp.385-399. DOI:<https://dx.doi.org/10.24093/awej/vol12no3.27>.
- Layne, S. (2009). Igniting a passion for reading. Stenhouse Publishers.
- Lulu-Pokubo, Patience Ebisemen, & Akanwa, Pearl C., (2017). The influence of school libraries usage in promoting reading culture among secondary school students in Rivers State, Nigeria. Library Philosophy and Practice (e-journal). 1719.
- Khairusy Syakirin & Has-Yun Hashim (2013). Sembang buku. Diakses dari <http://www.geocities.ws/ksyakirin/persoalan.PDF>.
- McEwan, E. (2002). Teach them all to read, catching the kids who fall through the cracks. California, USA: Corwing Press Inc.
- Merriam, S. B. (2001). Qualitative research and case study applications in educations. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Merriam, S. B. (2002). Qualitative research in practice: Example for discussion and analysis. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohd Salleh Lebar (1998). Sosiologi sekolah dan pendidikan: Pengenalan ringkas. Selangor: Thinker's library.
- Mohd Yusof Othman (1994). Melahirkan budaya membaca melalui pendidikan. Sekitar Perpustakaan, bil. 19, 1994, 29-34.
- Nik Badrul Hisham Nik Ismail & Mastura Mahfar (2015). Hubungan antara gaya kepimpinan pengetua dengan motivasi. Jurnal Sains Humanika, 5(1), 9–18.
- Nor Ainna Hamzah (3 Ogos 2020). SK Gedok ambil inisiatif suburkan budaya membaca. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2020/08/sk-gedok-ambil-inisiatif-suburkan-budaya-membaca/>
- Norashid Othman & Hamzah Md. Omar (2014). Beban tugas dan motivasi pengajaran guru di Sekolah Menengah Daerah Ranau. Journal Pemikir Pendidikan, 5, 35-57.
- Norshah Aizat Shuaib (5 April 2021). Membaca lahir generasi unggul. BHarian. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/04/803644/membaca-lahir-generasi-unggul>.
- Oji, S.E., & Habibu, I. (2011). The role of public libraries in promoting habits among children and adolescents in Nigeria. Information and knowledge management, vol.1(4): 33-40. www.iiste.org.
- Otiye, F. W. (2011). Reading culture, cultivation and its promotion among pupils: A Kenyan perspective. International Research Journal of Library, Information and Archival Studies Vol. 1(1) pp. 001-005, August 2011. <http://www.interestjournals.org/IRLIAS>.
- Sutarno (2003). Perpustakaan dan masyarakat. Jakarta: Buku Obor
- Syarifah Md. Nor (2001). Keberkesanan sekolah: Satu perspektif sosiologi. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Tiew, Wai Sin (2010). Tabiat dan minat membaca di kalangan pelajar tengkatan empat di SMK Hulu Kelang, Gombak, Selangor pada tahun 2010. Jurnal PPM, vol. 4, 2021, 57-75.
- Tralagba, C. E., & Baro, E.E., (2017). School libraries as catalyst for the development of reading culture among student, vol 9, no 1 (2018), 89-99.
- Wan Zah Wan Ali, Fatimah Hashim, Ismaik sheikh Ahmad, Tamby Subahan Meerah, Sali Zaliha Mustapha, Fattawi mokhtar, et al. (2005). Kesan program NILAM terhadap tabiat membaca menurut pandangan murid dan guru. Jurnal Pendidikan. Jilid 25, ms39-55.
- Zuridah Hanim Md. Akhir, Mohd. Hasani Dali & Khaliza Saidin (2017). Amalan terbaik pengetua cemerlang dalam meningkatkan minat membaca pelajar. JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 4(1), 13-34.